

Fasal sosial ciptaan negara maju merugikan — PM

Pekerja tetap dibela

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
dan G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 4 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak berniat untuk mengeksploit para pekerja dengan menolak fasal sosial yang terdapat di dalam piawai perburuhan yang dicipta oleh negara maju.

Katanya, hakikat sebenarnya ialah fasal sosial itu hanya akan menambah kos pengeluaran tanpa membawa manfaat yang lebih kepada pekerja.

“Jika kos meningkat maka barangan kita tidak akan dapat bersaing dengan jayanya dengan barangan mereka, akhirnya industri kita tidak akan berkembang dan peluang kerja tidak akan bertambah.

“Jauh daripada mendapat kebaikan, pekerja kita akan menganggur. Bagi pekerja yang meng-

anggur segala keistimewaan *social clause* tidak akan dirasakan sama sekali,” katanya ketika berucap melancarkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, apabila barangan negara ini tidak lagi terdapat di pasaran, barangan negara maju akan berlimpah-limpah seperti dahulu dan penganggur mereka akan mendapat pekerjaan dengan upah dan kemudahan sosial yang bertambah.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, pekerja di Barat mendapat gaji yang lebih tinggi, tetapi kos sara hidup berkali ganda lebih tinggi daripada negara ini sehingga upah yang tinggi tidak dapat membeli lebih banyak barangan dan khidmat jika dibandingkan dengan negara ini yang upahnya rendah dan sara hidupnya murah di Malaysia.

“Ini bermakna bahawa negara

■ Lihat muka 2

Pekerja tetap dibela

Barat tidak lebih baik dari Malaysia bagi para pekerja. Lebih daripada itu di Malaysia kita mempunyai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan PERKESO yang membantu pekerja apabila bersara atau cedera,” katanya.

Beliau menegaskan, peruntukan-peruntukan seumpama itu tidak terdapat di semua negara membangun.

“Jika pun Malaysia tidak menjadi syurga bagi pekerja,

sekurang-kurangnya ia lebih baik daripada negara-negara membangun yang lain dan juga beberapa negara maju,” katanya.

Dalam ucapan itu juga, Dr. Mahathir menegaskan, dalam keghairahan Malaysia menarik pelabur-pelabur asing, negara ini tidak seharusnya lupa kepada ciri-ciri keselamatan dan kesihatan pekerja.

“Kita perlu pastikan baha-

wa kesemua peralatan, bahan dan teknologi yang dibawa masuk adalah selamat digunakan dan yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru pelabur-pelabur asing agar setiap pemindahan teknologi yang dijalankan di negara ini harus disertai dengan ciri-ciri keselamatan dan kesihatan.

Pihak majikan, tegas Per-

dana Menteri, harus sedar bahawa jika kemalangan berlaku mereka akan mengalami kerugian disebabkan produktiviti mereka terjejas dan kos-kos lain.

“Kerajaan juga terpaksa membiayai kos sampingan walaupun majikan mencarum kepada PERKESO untuk rawatan dan lain-lain, kerugian mana-mana perusahaan atau perniagaan akan mengurangkan pendapatan kerajaan,” katanya.

Selain itu, tegasnya lagi, pekerja itu sendiri sudah tentu akan menghadapi kesengsaraan, sementara keluarganya akan hilang tempat bergantung.

“Kos-kos langsung dan tidak langsung ini akan menukarkan kadar produktiviti dan seterusnya menjadikan barangan kita lebih mahal dan oleh itu daya saing kita di pasaran antarabangsa akan terjejas,” katanya.